

PM minta penduduk bandar balas budi sokong BN

UM 30 JUL 1990

KUALA LUMPUR 29 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta para penduduk bandar supaya membalas budi yang diberikan oleh kerajaan dengan menyokong Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang.

Katanya, penduduk bandar tidak harus menolak orang-orang yang menolong mereka dan inilah harapan kerajaan dalam pilihanraya kali ini.

Berucap di perhimpunan rakyat di Bandar Tun Razak, di sini petang ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau kurang faham kenapa penduduk bandar menolak parti kerajaan sedangkan kerajaan sudah membuat bermacam pembangunan serta kemudahan.

"Dalam dunia ini, orang yang bahagia adalah orang yang tahu berterima kasih serta tahu berasa terhutang budi kalau dapat sesuatu," tegas beliau.

Menurutnya, beliau tidak tahu apa lagi yang dikehendaki oleh rakyat di bandar daripada kerajaan dengan menyokong parti lawan dalam pilihanraya.

"Saya harap kali ini,

mereka tidak menolak lagi parti Barisan Nasional (BN) kerana mereka sudah hidup lebih selesa daripada penduduk di luar bandar," katanya.

Menyentuh tentang kekalahan BN di beberapa kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan dalam pilihanraya umum lalu, katanya, walaupun BN ditolak oleh penduduk di situ tetapi kerajaan masih membantu membangunkan kawasan-kawasan tersebut.

Beliau yakin BN akan mencapai kejayaan lebih cemerlang dalam pilihanraya umum akan datang.

Katanya, semasa pilihanraya lalu, negara sedang mengalami ekonomi meleset tetapi tetap menang dua pertiga dari kerusi Parlimen.

"Tetapi hari ini, ekonomi negara adalah di antara yang terbaik di dunia termasuk di negara-negara yang maju," tambahnya.

Kata beliau, Malaysia juga mengalami kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi iaitu sebanyak 10.4 peratus dalam tiga bulan pertama tahun ini.

Beliau juga membayangkan hasrat kerajaan untuk membangunkan semua kawasan setinggan di negara ini supaya

dijadikan bandar baru yang lebih moden dan besar pada masa depan.

"Satu hari, kita mahu lihat bandar-bandar di Malaysia menjadi seperti bandar di London tetapi rakyat perlulah kekalkan pemerintahan yang ada," tegasnya.

Beliau menegaskan bahawa hasil daripada usaha kerajaan, Bandaraya Kuala Lumpur kini dikenali sebagai bandar yang terbersih dan cantik.

"Jika mahu orang lain menghormati kita, kita perlulah mengubah cara hidup dan tidak lagi hidup dikelilingi oleh sampah yang kotor," tambahnya.

Beliau juga menasihati penduduk di bandar khususnya di Bandar Tun Razak supaya tidak menjual rumah-rumah mereka yang kini sudah meningkat dua kali ganda nilainya.

"Satu hari nanti, rumah-rumah di sini akan jadi lebih mahal kerana kerajaan mungkin mahu membina rumah yang lebih baik di sini pada masa hadapan," tegas Perdana Menteri.